

NO SOALAN :28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HASAN BIN MALEK
(KUALA PILAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.11.2017

Y.B. DATO' SRI HASAN BIN MALEK [KUALA PILAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peningkatan taraf hidup yang semakin mendadak saban tahun serta kejatuhan nilai ringgit telah membebankan penjawat awam bagi menampung kos sara hidup di luar negara, terutamanya bagi negara-negara asing, selain daripada Amerika Syarikat, yang menggunakan matawang US Dollar berbanding matawang domestik. Apakah tindakan segera yang diambil oleh Kerajaan setelah mengkaji semula elauan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penetapan mata wang bagi pembayaran elauan khususnya Elauan Sara

Hidup Luar Negara (ESHLN) adalah berdasarkan kepada kesesuaian penggunaan mata wang dan penguatkuasaan undang-undang di sesebuah negara. Sebahagian besar daripada ESLHN dibayar di dalam *hard currency* sama ada wang US Dollar atau Euro. Ini kerana nilai kedua-dua mata wang ini adalah lebih stabil dan diterima di kebanyakan negara di dunia.

Selain itu, terdapat juga elaun yang dibayar di dalam mata wang negara tersebut atau di dalam mata wang Ringgit Malaysia berdasarkan kesesuaian dan penguatkuasaan undang-undang di negara-negara tersebut.

Kementerian Kewangan juga mengambil maklum isu dan cabaran yang dihadapi oleh penjawat awam di luar negara berikutan daripada kedudukan ekonomi pada masa ini. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan bersama-sama pihak Kementerian Luar Negeri yang bertindak sebagai Urusetia Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia di Luar Negeri (SPKM), Jabatan Perkhidmatan Awam dan lain-lain agensi yang berkaitan sentiasa meneliti perkara ini dari semasa ke semasa dan mengambil tindakan mengikut keutamaan dengan melihat **keperluan dan kepentingan keseluruhan perjawatan di luar negeri** yang meliputi *Home Based Staff* (HBS) dan Kakitangan

Ambilan Tempatan (KAT).